



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTUAN DANA MODENKAN PERUSAHAAN, K2, KOSMO -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	8.7 HEKTAR TANAMAN MUSNAH AKIBAT BANJIR, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	DAMAK, HAB DURIAN KAMPUNG PREMIUM, NEGARA, KOSMO -7	
4.	11 BANGKAI LEMBU BERGELIMPANGAN, NEGERI, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	BANGKAI 11 EKOR LEMBU DIBUANG DI TAPAK SAMPAH HARAM, DALAM NEGERI, UM -31	
6.	11 BANGKAI LEMBU DITEMUI TERBIAR BERULAT, LOKAL, HM -13	
7.	LIMA NEGERI <i>HOTSPOT</i> GUNA BUBU NAGA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	TRANSFORMASI MALAYSIA KE ARAH PERTANIAN PINTAR, K2, KOSMO -20 PENGUNAAN TEKNOLOGI DRON MEMODENKAN INDUSTRI TANAMAN PADI, K2, KOSMO -20	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
4.	KERJASAMA PUSAT WAKAF, SYARIKAT KORPORAT, NASIONAL, SH -3	LAIN-LAIN
5.	4 KEKANGAN BANGUNKAN TANAH WAKAF, NASIONAL, SH -2	
6.	SELANGOR SASAR BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NEGERI SELANGOR, SH -23	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



RONALD KIANDÉE

Bantuan dana modenkan perusahaan

PENEKANAN kepentingan penerimgunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui pemodenan dan pertanian pintar adalah penting bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kementerian akan memberi tumpuan kepada agenda pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara secara keseluruhannya.

Menurutnya, dalam hal ini, tentu sekali bidang kejuruteraan pertanian perlu diberi penekanan agar kekal relevan dalam pembangunan sektor agromakanan negara.

"Penggunaan teknologi moden antara lainnya seperti dron, sensor, robotik, internet kebendaan (IoT) dan teknologi pertanian tepat (*precision farming*) menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara.

"Melalui teknologi pertanian pintar, rantai bekalan makanan dapat diuruskan dengan lebih mudah dan cekap selain memaksimumkan pengeluaran," kata Klandee.

Menurutnya, kementerian melalui Agrobank juga menyediakan pelbagai bentuk dana dan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha agromakanan yang berhasrat memodenkan perusahaan masing-masing.

Antaranya adalah sebanyak RM60 juta di bawah Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan bagi membolehkan usahawan di sepanjang rantai nilai agromakanan mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan 4IR untuk meningkatkan produktiviti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

8.7 hektar tanaman musnah akibat banjir

BALING - Tragedi banjir dan kepala air di Baling turut memusnahkan kira-kira 8.7 hektar tanaman pisang, jagung, serai dan kelapa yang diusahakan penduduk.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India, Datuk Azman Nasruddin berkata, bancia awal kerosakan tanaman itu melibatkan petani di 12 kampung terjejas.

Menurutnya, antara tanaman yang musnah teruk adalah di Kampung Iboi, Kampung Lata Celak, Kampung Bukit Iboi, Kampung Masjid Iboi, Kampung Tok Saba dan Kampung Bendang Becah.

“Daripada keseluruhan tanaman, sebanyak dua hektar tanaman pisang dan jagung manis musnah, serai seluas 5.7 hektar selain kelapa matang seluas satu

hektar turut musnah,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Azman berkata, masih lagi terdapat kawasan tanaman di kampung berdekatan yang belum dilakukan bancia berikutan terputus hubungan selain tidak dapat dimasuki akibat dipenuhi kayu dan sampah pukat yang dihanyutkan banjir.

Menurutnya, antara bantuan tabung bencana yang disediakan adalah RM850 per hektar untuk kerosakan tanaman, selain Jabatan Pertanian akan memberikan input-input pertanian apabila petani mahu mengusahakan semula tanaman baharu.

Azman turut memaklumkan, tujuh aduan diterima daripada 43 penternak di mukim Kupang yang melibatkan kemusnahan dua kandang lembu dan sebuah kandang kambing.



Azman (dua dari kiri) ketika meninjau tanaman pisang yang musnah dalam kejadian banjir lumpur di Kampung Iboi.



NAZRI (tiga dari kiri) melihat durian kampung premium yang dipertandingkan di Damak, Jerantut baru-baru ini.

Damak, hab durian kampung premium

JERANTUT – Mukim Ulu Cheka khususnya Damak di sini akan dijadikan hab pengeluaran durian kampung premium di negeri ini bersesuaian kepelbagaian raja buah kampung bermutu tinggi di kawasan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Datuk Nazri Ngah berkata, durian kampung premium itu juga akan giat dipromosi untuk pasaran eksport seperti musang king dan durian Beserah.

“Beberapa tahun lalu kita sudah ke China bagi memperkenalkan musang king dan durian Beserah dan selepas ini kalau boleh kita akan promosi pula durian kampung premium di mukim Ulu Cheka.

“Kita juga menyeru agar Jabatan Pertanian dapat membantu dalam usaha mempromosikan Ulu Cheka menjadi hab pengeluaran durian kampung premium Pahang,” katanya pada Pertandingan Durian

Kampung Premium peringkat daerah Jerantut di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu durian kampung premium Jenderoh milik Nasir Saari, 58, yang berasal dari Kampung Perlok dinobatkan sebagai johan pertandingan disertai 21 peserta itu.

Menurut Nazri, kerajaan negeri akan terus menyokong dan membantu dalam usaha merealisasikan mukim Ulu Cheka sebagai hab durian kampung premium termasuk dalam aspek pertanian, promosi dan juga pelancongan.

Katanya, pada masa ini terdapat tujuh durian kampung di kawasan itu telah diiktiraf sebagai durian kampung premium dan ada lagi yang sedang dikenal pasti oleh jabatan pertanian.

Sementara itu, beliau berharap pekebun durian dapat mengamalkan amalan pertanian baik dan mengikut panduan yang ditetapkan oleh jabatan pertanian bagi memastikan kualiti raja buah berkenaan.

11 bangkai lembu bergelimpangan

Bangkai haiwan-haiwan berkenaan ditemukan dalam keadaan berulat dan dihurungi lalat

KUALA NERUS

Bangkai 11 ekor lembu dalam keadaan berulat ditemukan di sebuah kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar di sini, dipercayai dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menurut seorang penduduk kampung itu Wan Zaidi Wan Jaafar, 48, bangkai lembu tersebut dijumpai penduduk yang ingin memancing di Sungai Lekar terletak kira-kira lima meter dari kawasan itu pada petang Sabtu lepas.

"Bangkai lembu ini mungkin dibuang pada hari yang sama kerana ada penduduk kampung terlihat dua buah lori memasuki simpang ke kawasan itu. Kedua-dua lori tersebut dilihat penuh dengan lembu yang telah mati," katanya ketika ditemui *Bernama* di lokasi kejadian di sini pada Selasa.

Tinjauan *Bernama* ke kawasan yang



Bau busuk bangkai lembu-lembu berkenaan mendatangkan rasa tidak selesa penduduk berhampiran Kampung Sungai Lekar, Kuala Nerus.

terletak kira-kira 15 meter dari Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu itu mendapati, bangkai 11 ekor lembu tersebut berada dalam keadaan bergelimpangan, kembung, berulat dan dihurungi lalat.

Wan Zaidi memberitahu, bau busuk bangkai haiwan itu mendatangkan ketidakselesaan kerana kawasan tersebut merupakan laluan utama penduduk ke Sungai Lekar ke kawasan berdekatan.

"Walaupun jauh dari kawasan penempatan, namun ia merupakan laluan digunakan penduduk untuk memancing dan ke kebun. Jadi, kita risau kalau bangkai lembu ini menyebabkan pencemaran bau dan air sungai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu Dr Anun Man ketika dihubungi berkata, setakat ini, pihaknya belum me-

nerima sebarang laporan mengenai penemuan bangkai lembu tersebut.

Namun katanya, pihak veterinar negeri akan segera ke lokasi penemuan bangkai tersebut, bagi mendapatkan sampel mengenai pasti punca kematian lembu-lembu itu serta menjalankan kerja-kerja pelupusan.

"Kita tidak tahu apa punca lembu-lembu itu dibuang di situ. Ada kemungkinan lembu-lembu itu disetudup dari luar dan sekiranya haiwan tersebut dibawa dalam lori tertutup (lori bungkus) serta melalui perjalanan yang jauh, ia boleh menyebabkan lembu-lembu itu lemas dan menyebabkan kematian.

"Sekiranya ia mati disebabkan wabak penyakit seperti penyakit kuku dan mulut (FMD) dan sebagainya, pemilik lembu boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 31 Akta Binatang 1953, kerana gagal melaporkan penyakit haiwan ternakan mereka kepada pihak veterinar," katanya tindakan juga boleh diambil di bawah Seksyen 34, Akta Binatang 1953 kerana melupakan haiwan ternakan berpenyakit tanpa kebenaran pihak berkuasa Veterinar.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu juga akan membuat siasatan sekiranya ada unsur-unsur membuatkan kezaliman haiwan. - *Bernama*

13/7/2022

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Bangkai 11 ekor lembu dibuang di tapak sampah haram

KUALA TERENGGANU: Seorang pemancing terkejut apabila menemui bangkai 11 ekor lembu di tapak pembuangan sampah haram di tepi sungai di Kampung Sungai Lekar di sini, Sabtu lalu.

Lembu itu dipercayai mati di tempat lain sebelum dibuang di kawasan tersebut.

Wan Mohd. Faizul Wan Jaafar, 35, dari Kampung Sungai Ikan di sini berkata, dia terkejut apabila menemukan bangkai lembu bergelimpangan ketika ingin memancing di sungai berdekatan tapak pembuangan sampah haram itu pada pukul 3 petang, Sabtu lalu.

Menurutnya, bangkai lembu tersebut sudah berbau busuk dan berulat, dipercayai mati dan dibuang di kawasan itu beberapa hari lalu.

"Saya berkunjung lagi ke sungai itu hari ini dan mendapati bangkai lembu masih berada di kawasan tersebut," katanya di sini semalam.


Wan Mohd. Faizul berkata, dia kecewa dengan perbuatan tidak bertanggungjawab individu tertentu membuang bangkai lembu tersebut sehingga menjejaskan kawasan tumpuan pemancing itu.

"Bangkai lembu itu semakin berbau busuk dan keadaan tersebut menimbulkan suasana tidak selesa pemancing di sungai berkenaan," jelasnya.

Selain itu menurutnya, dia mendapati lembu tersebut mempunyai tanda di telinga yang dipercayai dipasang Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Saya juga tidak menolak kemungkinan lembu tersebut dibawa masuk dari Thailand, bagaimanapun tidak diketahui punca lembu itu mati," katanya.

Pada masa sama katanya, dia mengharapkan pihak berkuasa tempatan dapat menanam bangkai lembu tersebut untuk mengelakkan bau busuk.



SEBAHAGIAN daripada bangkai lembu yang dibuang di tapak pembuangan sampah haram di tepi sungai di Kampung Lekar, Kuala Terengganu.

Kuala Nerus: Bangkai 11 lembu dalam keadaan berulat ditemukan di sebuah kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar di sini, dipercayai dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menurut seorang penduduk kampung itu Wan Zaidi Wan Jaafar, 48, berkata bangkai lembu tersebut dijumpai penduduk yang ingin memancing di Sungai Lekar yang terletak kira-kira lima meter dari kawasan itu pada

petang Sabtu lalu.

"Bangkai lembu ini mungkin dibuang pada hari yang sama kerana ada penduduk kampung terlihat dua lori memasuki simpang ke kawasan itu. Kedua-dua lori tersebut dilihat penuh dengan lembu yang mati," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini semalam.

Tinjauan ke kawasan yang

terletak kira-kira 15 meter dari Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu itu mendapati, bangkai 11 lembu tersebut berada dalam keadaan bergelimangan, sudah kembang, berulat dan dihurungi lalat.

Wan Zaidi berkata bau busuk bangkai haiwan itu mendatangkan ketidakselesaan, kerana kawasan tersebut adalah laluan utama

penduduk ke Sungai Lekar ke kawasan berdekatan.

"Walaupun kawasan tersebut jauh dari kawasan perumahan, namun ia laluan digunakan penduduk untuk memancing dan ke kebun. Jadi kita risau kalau bangkai lembu ini menyebabkan pencemaran bau yang lebih teruk dan air sungai juga boleh tercemar," katanya.

11 bangkai lembu ditemui terbiar berulat

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu Dr Anun Man ketika dihubungi berkata setakat ini, pihaknya belum menerima sebarang laporan mengenai penemuan bangkai lembu tersebut.

Namun katanya pihak veterinar negeri akan segera ke lokasi penemuan bangkai tersebut, bagi mendapatkan

sampel mengenal pasti punca kematian lembu-lembu itu dan siasatan serta menjalankan kerja-kerja pelupusan.

"Kita tidak tahu apa punca lembu itu dibuang di situ. Ada kemungkinan lembu itu diseludup dari luar dan sekiranya haiwan tersebut dibawa dalam lori tertutup (lori bungkus) serta melalui perjalanan yang jauh, ia boleh menyebabkan lembu-lembu itu lemas dan boleh menyebabkan kematian," katanya.

Lima negeri *hotspot* guna bubu naga

EKSKLUSIF

Penggunaan secara berleluasa mengancam banyak hidupan laut, sungai

Oleh MUHAMMAD
AFHAM RAMLI
SHAH ALAM



Penggunaan bubu naga dilarang untuk penangkapan ikan kerana mengakibatkan kerosakan serius kepada ekosistem sungai dan laut.



Jabatan Perikanan mengesan penggunaan bubu naga di perairan Selangor, pada tahun ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengenal pasti lima negeri di pantai barat Semenanjung sebagai lokasi panas penggunaan haram bubu naga atau 'bubu kamban'.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd Sufian Sulaiman berkata, lima negeri itu adalah Johor (Pontian, Batu Pahat dan Muar), Selangor (Tanjung Karang, Sekinchan dan Sabak Bempam), Perak (Bagan Datuk, Lekir, Manjung hingga Kerian), Kedah (Kuala Kedah) dan Pulau Pinang (Seberang Perai).

Selain itu, menurut beliau, DOF turut menerima maklumat bubu naga sudah mula digunakan di Kelantan membabitkan daerah Kota Bharu dan Tumpat. "Kita klasifikasikan lokasi ini sebagai *hotspot* disebabkan ia merupakan kawasan pembiakan ikan selain dikatakan sesuai untuk melabuhkan bubu naga dengan kedalaman 0.5 meter hingga dua meter.

"Bubu naga yang sering digunakan adalah sepanjang kira-kira 10 meter dengan 12 hingga 15 injap," katanya dalam wawancara eksklusif kepada *Sinar Harian* di Ibu Pejabat DOF Putrajaya, baru-baru ini.

Jelas beliau, bubu naga antara kaedah penangkapan hasil laut yang dilarang selain pukat tunda dua bot, pukat sorong, renjatan elektrik, pukat hanyut, pukat insang dan lain-lain pukat yang menyerupainya dengan mata pukat melebihi 10 inci secara berhanyut atau

bersaah serta letupan dan racun. "Bubu naga ini biasanya diletakkan di kawasan muara sungai antara 0.5 batu nautika hingga lima batu nautika kerana kawasan ini merupakan tempat pembiakan ikan di mana di sinilah ikan bertelur dan membiak dengan kebanyakannya anak ikan, udang dan ketam.

"Bubu naga akan memerangkap sumber ini dan jika dibiarkan, sumber itu akan berkurangan hingga anak-anak hidupan laut dan sungai tidak sempat membesar.

"Kita (DOF) mendapati pemain atau pengusaha yang menggunakan bubu naga ini akan melabuhkan bubu itu pada waktu petang sebelum ditinggalkan semalaman," katanya.

Mohd Sufian menambah, hasil tangkapan dengan penggunaan bubu naga dikatakan sekitar RM150 hingga RM250 melibatkan pelbagai hidupan laut termasuk anak-anak ikan seperti gelama, duri, ikan sebelah, kerapu, pari, tamban selain anak ketam, udang, siput, belangkas dan udang lipan.

Beliau memberitahu, penggunaan bubu naga akan menimbulkan konflik antara nelayan pukat hanyut berlesen dan berdasarkan kajian DOF, ia adalah satu peralatan yang bukan mesra sumber kerana segala sumber hasil laut boleh terperangkap.

MOHD
SUFIAN



Maritim Malaysia turut bekerjasama bagi membanteras penggunaan bubu naga.



Antara spesies anak ikan yang ditangkap hasil penggunaan bubu naga yang dilarang.

"Hasil ikan yang ditangkap melalui bubu naga adalah kecil dan nilainya jauh berbeza dengan ikan yang lebih besar dan dari segi kesan ke atas sumber dan ekosistem kawasan itu, *life cycle* ke atas spesies bila bertelur dan membesar.

"Apabila ditangkap, ia akan jejas ekosistem berbanding penggunaan peralatan yang dibenarkan kerana ia lebih selektif dan tidak melibatkan anak-anak ikan," jelasnya.

Bubu naga mudah dibeli

Menurut Mohd Sufian, DOF mengesan aktiviti penjualan bubu naga di kedai dan medium dalam talian.

"Bubu naga boleh diperolehi dengan harga sekitar RM70 hingga RM100 bagi satu set. Ia memberi peluang untuk mereka yang tidak bertanggungjawab untuk memilikinya kerana mudah dibeli di kedai dan medium dalam talian.

"Kita telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi

membincangkan cara menghalang penjualan bubu naga selain menguarakan di media massa berkenaan larangan ini.

"Perbincangan dengan KPDNHEP ini berkisar kepada aktiviti penjualan itu dan mereka telah mencadangkan agar barangan itu dimasukkan di dalam senarai barangan atau peralatan dilarang," ujarnya.

Tambah beliau, selain itu, DOF turut bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membuat kawalan, tindakan dan memantau kawasan yang sering bubu naga dilabuhkan.

Jeti nelayan dipantau

Jelas beliau, selain pengawasan di laut, DOF turut memantau jeti-jeti dan pangkalan nelayan kerana ada segejintir nelayan menggunakan bubu naga sekiranya tidak turun ke laut.

"Ada juga nelayan yang hendak mudah mendapatkan hasil, mereka gunakan bubu naga. Ada sebahagiannya bukan nelayan

Statistik senarai kes kesalahan bagi tempoh 2020 hingga Jun 2022
Jumlah kes - 2,386
Kompau - RM3.03 juta
Tangkapan - 6,031 orang
Lelong - RM523,931

Antara kes adalah langgar syarat lesen, penggunaan peralatan yang dilarang dan pencerobohan kawasan yang tidak dibenarkan

(A) Tahun 2022 (Jan-Jun)
Kes - 423
Kompau - RM351,850
Tangkapan - 1,112 orang
Lelong - RM71,975

(B) Tahun 2021
Kes - 877
Kompau - RM1.69 juta
Tangkapan - 2,299 orang
Lelong - RM253,745

(C) Tahun 2020
Kes - 1,086
Kompau - RM981,900
Tangkapan - 2,620 orang
Lelong - RM198,211

dan hanya kerja sampingan.

"Sekiranya dikesan, tindakan rampasan serta penahanan akan dibuat mengikut Seksyen 11(3) Akta Perikanan 1985," katanya.

DOF, menurut beliau, turut bekerjasama dengan komuniti di kawasan tertentu untuk memberi maklumat bagi tindakan operasi.

"Jabatan Perikanan amat memerlukan bantuan komuniti setempat untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara sumber perikanan dalam membasmi kaedah penangkapan ikan yang dilarang.

"Sebarang maklumat boleh disalurkan kepada Pangkalan Perlindungan Sumber Perikanan/Taman Laut yang terdekat atau melalui FISHCOM Putrajaya di talian 03-88704058 atau Hotline 03-88885019 atau emel fishcom@do.gov.my," jelasnya.

Rencana
UtamaOleh
**FARID AHMAD
TARMIJI**

“Di kilang tanaman vertikal ini, terdapat lima rak yang memecah ketinggian sehingga 18 kaki (5 meter) dan mampu menghasilkan sehingga 1.5 tan metrik sayur-sayuran berdaun setiap bulan.

“Kami memfokuskan sayur-sayuran seperti kale, rocket dan sweet Italian basil yang biasanya ditanam di kawasan beriklim sejuk di luar negara atau di kawasan tanah tinggi di Malaysia,” kata pengasas Farny, Shoma Tsubota.

Farny yang dibangunkan Shoma itu merupakan kilang sayuran di Petaling Jaya, Selangor yang menggunakan konsep penanaman menegak.

Usaha anak muda itu yang berjaya menanam sayuran tidak lazim tumbuh di negara ini menarik perhatian sehingga dirinya menjadi salah seorang individu yang ditugaskan membuat pembentangan pada Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 baru-baru ini.

Dalam pembentangan itu, Shoma menjelaskan, matlamatnya menanam sayuran tersebut adalah bagi menggantikan keperluan mengimport dan mengurangkan rantaian bekalan yang panjang dikaitkan dengan sayur-sayuran tersebut.

Terangnya, kilang tanaman tersebut juga menggunakan sistem hidroponik yang dipanggil Teknik Pilem Nutrien (NFT) dan lampu hortikultur LED yang disesuaikan untuk mereplikasi cahaya matahari semula jadi di dalam kilang.

Shoma berkata, melalui kaedah penanaman menegak dalam bangunan membolehkan Farny mengusahakan tanaman yang tidak biasa ditemui di Malaysia tanpa menggunakan racun perosak.

“Tumbuh secara menegak di dalam bangunan juga menghapuskan risiko yang dibawa oleh iklim tropika Malaysia.

“Selain itu, sistem ladang yang dibangunkan menggabungkan teknologi LED, Internet of Thing (IoT) dan hidroponik juga menggunakan sedikit ruang, tenaga buruh dan air berbanding pertanian konvensional,” katanya.

Penanaman menegak adalah salah satu daripada teknologi-teknologi dalam pertanian yang diterokai mutakhir ini.

Kenalkan harga semasa makanan



PERTANIAN kini banyak menerapkan elemen-elemen teknologi.

Transformasi Malaysia ke arah pertanian pintar



PENGUNAAN teknologi seperti internet dalam sektor pertanian memudahkan tugas-tugas bertani.

global ternyata telah menimbulkan kebimbangan yang serius terhadap jaminan bekalan dan keselamatan makanan negara.

Oleh itu, penghasilan produk makanan yang selamat dengan kos pengeluaran rendah serta penggunaan sumber sedia ada secara optimum dengan memanfaatkan penggunaan teknologi dan kejuruteraan dalam bidang pertanian harus dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.

Penggunaan teknologi dan kejuruteraan dalam bidang pertanian kini menjadi aspek terpenting bagi memastikan peningkatan pengeluaran makanan yang berkualiti tinggi di samping kos yang minimum.

Menyedari hakikat itu, Jabatan Pertanian Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 dengan tema ‘Revolusi Teknologi Kejuruteraan Pertanian ke Arah Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)’ di Putrajaya baru-baru ini.

INFO

Revolusi Pertanian 4IR

- Merangkumi teknologi baharu seperti dron, sensor robotik dan Internet of Thing (IoT) ataupun internet kebendaan yang menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara
- Salah satu teras utama dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)
- Mampu meningkatkan pengeluaran makanan yang berkualiti tinggi di samping kos yang minimum

Ketua Pengarahnya, Datuk Zahimi Hassan berkata, pemilihan tema tersebut adalah selari dengan salah satu teras utama dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Menurutnya, dasar itu menumpukan transformasi pertanian melalui penggunaan teknologi 4IR dan pertanian pintar.

“Revolusi Industri 4IR ini merangkumi teknologi baharu seperti dron, sensor robotik dan IoT ataupun internet kebendaan yang menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara.


“Justeru itu, kami tidak akan ketinggalan dalam agenda ini dan telah menjadi strategi pemodenan melalui aplikasi pertanian pintar sebagai kunci utama kepada usaha bagi menjayakan transformasi sektor agromakanan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12),” jelasnya.

Dalam pada itu, kini ramai pihak telah mengaplikasikan penggunaan teknologi 4IR dan pertanian pintar dalam industri pertanian.

Penggunaan teknologi dalam sektor pertanian juga semakin popular dan turut mendapat tempat dalam kalangan pesawah di Malaysia.

Malah, pesawah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut, Selangor juga tidak ketinggalan menggunakan teknologi dron.

TEKNOLOGI kejuruteraan pertanian menjadikan kerja-kerja bertani tampak sistematik dan canggih.



Pegawai Pertanian, IADA Barat Laut, Selangor, Mohamad Fiqri Shafiee berkata, perkembangan teknologi dron dapat memodenkan industri tanaman padi supaya memenuhi permintaan masa depan negara.

Menurutnya, dalam sektor pertanian, dron digunakan sebagai kaedah pertanian tepat serta pintar bagi meningkatkan hasil dan keuntungan tanaman serta pada masa sama dapat mengurangkan jumlah input yang digunakan.

"Dengan kata lain, dron membantu petani memastikan teknik pertanian yang tepat digunakan dan membantu mereka membuat keputusan jitu.

"Seperti sedia maklum, pengeluaran hasil adalah bergantung kepada beberapa faktor yang tidak dapat dikawal pesawah. Antaranya keperluan air, perubahan iklim, angin, kualiti dan kelembapan tanah, rumpai, serangan penyakit, perosak serta musim pertumbuhan yang tidak konsisten," jelas Mohamad Fiqri.

Tambahnya, kaedah penyemburan racun menggunakan dron dapat mengurangkan risiko akibat kontak manusia dengan bahan kimia, racun perosak dan baja berbahaya.

Dron juga dapat menentukan jumlah optimum bahan semburan yang diperlukan serta memastikan semburan dibuat secara rata pada tanaman.

Sementara itu, Ketua Penyelidik MIMOS Berhad, Ts. Ir. Dr. Nordin Ramli berkata, pertanian memainkan peranan penting dalam memacu sektor ekonomi dan bertanggungjawab dalam meningkatkan pengeluaran makanan serta keperluan asas kita.

Menurutnya, sektor pertanian menyumbang sekitar 8 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019.

"Ini memberikan peluang kepada petani untuk memanfaatkan teknologi dalam meningkatkan hasil tanaman dan pendapatan mereka.

"Kebergantungan negara ini terhadap sektor pertanian bagi meraih pendapatan harian masih kekal sehingga kini," katanya.

Tambahnya, oleh itu kita memerlukan penekanan penggunaan teknologi bagi mengoptimalkan pengeluaran hasil pertanian yang mampan.



PENGUNAAN teknologi dron memodenkan industri tanaman padi.

Tanpa disedari, era globalisasi ternyata mempengaruhi gaya dan kaedah pertanian masa kini yang tidak lagi bergantung penuh terhadap alatan tradisional, sebaliknya segalanya kini boleh dilakukan 'di hujung jari' bagi memantau atau membuat keputusan dalam menjalankan aktiviti pertanian.

Bagi memenuhi permintaan ini, industri pertanian perlu beralih menggunakan teknologi, terutamanya IoT demi produktiviti dan kecekapan lebih baik.

Nordin berkata, melalui kaedah pertanian pintar, petani tidak perlu lagi turun ke lapangan bagi menabur baja, melakukan siraman dan sebagainya, sebaliknya mereka boleh berbuat demikian, misalnya dengan menggunakan telefon pintar atau sistem yang saling berhubung.

"Penyelesaian pertanian pintar berteraskan teknologi 5G antara lain merangsang penggunaan teknologi baharu dalam industri, selain mengintegrasikan teknologi moden lain seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, data raya, dron dan robotik.

"Dengan mengadaptasikan pertanian berteraskan teknologi seperti demikian membolehkan jumlah besar data dikumpul dan analisis data lanjutan akan membantu petani untuk membuat keputusan lebih baik bagi mencapai penjimatan kos, menambah baik kecekapan dan mencipta peluang perniagaan baharu," terangnya.

SHOMA bersama sayuran yang ditanam secara penanaman megagak di kilang Fanny di Petaling Jaya, Selangor. - FACEBOOK FARMY



RONALD KIANDÉE (tengah) semasa mengunjungi gerai pameran di Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Putrajaya baru-baru ini.

Kerjasama pusat wakaf, syarikat korporat

Perlu dana untuk melaksanakan projek berskala besar

SHAH ALAM

Pusat wakaf di dalam negara disarankan supaya mempertingkatkan usaha membangunkan tanah wakaf untuk bekalan makanan dan perumahan rakyat dalam skala besar dengan kerjasama syarikat korporat.

Pengarah Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Fuadah Johari berkata, selain sumbangan orang awam, penyediaan dana daripada pihak swasta adalah aspek amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut.

Beliau bagaimanapun berkata, bagi merealisasikan usaha itu, pusat wakaf perlu lebih proaktif mempromosikan perancangan yang dilakukan, di samping turut menyelaras pembangunan tanah wakaf yang berada di bawah pengurusan mereka.

"Pembangunan tanah wakaf, contohnya untuk pertanian dan penternakan bukan amalan lazim

LAPORAN KHAS



FOTO: BERNAMA

Pusat zakat disaran meningkatkan usaha membangunkan tanah wakaf untuk bekalan makanan dan perumahan rakyat dalam skala besar.



FUADAH

di Malaysia tetapi sekarang ini sudah berbeza kerana ia menjadi keperluan masyarakat.

"Untuk amalan yang masih baharu seperti ini, pihak swasta mungkin belum jelas tentang peluang itu. Jadi, kena ada orang yang membuka jalan (perancangan).

"Kedua, kerjasama tersebut perlu ada penyelarasan dan ada badan induk (menguruskan) untuk menyatukan tanah wakaf terbiar dengan entiti swasta atau pemaju," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Fuadah berkata, beberapa negeri setakat ini telah memulakan pelaksanaan pembangunan tanah wakaf bagi tujuan pertanian, penternakan dan perumahan, namun hanya dalam skala yang kecil.

Mengulas lanjut, beliau men-

jelaskan, pusat wakaf juga perlu memperluaskan pendekatan mereka dalam membangunkan tanah wakaf dan tidak hanya tertumpu kepada projek lazim, antaranya pembinaan sekolah dan kemudahan fasiliti di masjid.

"Seperti pembangunan untuk tujuan pertanian dan penternakan, ia perkara yang penting sekarang tetapi mungkin mereka (pusat wakaf) tidak ada kepakaran atau tidak biasa lagi nak buat.

"Ia perlukan satu lonjakan drastik dari pusat zakat untuk memastikan mereka benar-benar memenuhi keperluan rakyat," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Fuadah, kebergantungan terhadap sumbangan orang awam dalam pembangunan projek wakaf sememangnya menyumbang kepada berlakunya situasi tanah wakaf terbiar.

Katanya, dana wakaf dalam bentuk tunai biasanya memerlukan masa yang lama untuk dikumpulkan sebelum sesuatu projek itu dapat dilaksanakan.

"Selain itu, ada juga tanah

wakaf berada di lokasi tidak strategik yang menyebabkan tempoh pembangunan projek wakaf tertangguh lama. Kos penyelenggaraan yang tinggi juga menyukarkan projek wakaf dapat dibangunkan dengan jayanya.

"Kos pembinaan projek wakaf juga sering dilihat mengabaikan keperluan kos penyelenggaraan yang mengakibatkan pelan perancangan projek wakaf tidak strategik, bersifat sementara dan tidak lestari," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerjasama daripada pihak swasta termasuk kerajaan khususnya dalam isu pendanaan amat penting bagi memastikan keberkesanan pembangunan tanah wakaf di dalam negara.

Pada masa sama, menurutnya, kekurangan data yang komprehensif dan berpusat terutama melibatkan pembangunan tanah wakaf yang tidak berdaftar milik persendirian atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyebabkan banyak projek wakaf dibangunkan secara tidak tersusun dan strategik.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

4 kekangan bangunkan tanah wakaf

Namun, potensi tanah wakaf boleh digembleng terlebih dahulu melalui projek wakaf pertanian

SHAH ALAM

Terdapat empat kekangan bagi membangunkan tanah wakaf di Malaysia, menurut Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr Amir Shaharuddin berkata, kekangan itu adalah dari sudut pentadbiran dan pengurusan, perundangan, keadaan fizikal tanah wakaf serta jenis perwakafan.

Menurutnya, kekangan dari sudut pentadbiran dan pengurusan terbahagi kepada tiga iaitu kekurangan peruntukan dana bagi tujuan pengoperasian, isu pendaftaran pemilikan tanah wakaf dan ketiadaan sistem pangkalan data yang lengkap.

"Dari sudut perundangan melibatkan ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri yang mewujudkan perbezaan dalam pemahaman tafsiran pembangunan hartanah wakaf.

"Yang kedua, tiada enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri. Sehingga kini, hanya Selangor mempunyai undang-undang khusus untuk wakaf," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau menjelaskan, kekangan dari segi keadaan fizikal pula melibatkan lokasi tanah wakaf kurang strategik dan tidak berpotensi untuk dibangunkan.

Selain faktor lokasi, katanya, faktor keadaan fizikal-tanah seperti kawasan tanah mengalami banjir, berbukit, berjalun, saiz lot yang kecil dan peletakan

LAPORAN KHAS



YWM mengorak langkah dengan projek wakaf pertanian menerusi WATANI yang telah bermula di Putrajaya.



AMIR

yang bertaburan turut menjadi kekangan.

Bagi kekangan jenis perwakafan, katanya, terdapat tanah wakaf tidak dapat dibangunkan disebabkan ia adalah tanah wakaf khas.

Dalam pada itu, YWM memaklumkan terdapat 30,888.89 hektar tanah wakaf di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut,

sebanyak 1,236.91 hektar tanah wakaf belum dibangunkan berdasarkan Kajian Pelan Induk Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia yang diterbitkan pada 2016.

Bagaimanapun, data tersebut telah berubah disebabkan ia dikumpulkan enam tahun lalu dan angka terkini hanya boleh diperolehi daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf.

Mengulas lanjut, Amir menjelaskan MAIN juga giat membangunkan harta tanah wakaf di seluruh negara bagi mengatasi kekangan yang dihadapi.

"Contohnya, Majlis Agama Islam Pulau Pinang bekerjasama dengan UDA Holdings membangunkan projek Wakaf Seetee Aisah 2," kata beliau.

Tambah Amir lagi, selain pem-

angunan harta wakaf berbentuk komersial, MAIN juga giat melaksanakan projek berbentuk sosioekonomi di atas tanah wakaf seperti wakaf pertanian.

Jelasnya, tanah wakaf sedia ada dikenal pasti dan diteroka dengan tanaman jangka pendek serta sederhana, selain beberapa projek rintis telah mula dijalankan oleh MAIN seperti di Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

"Malah, YWM juga telah mula menggerakkan usaha wakaf pertanian ini. Ia adalah salah satu platform yang menggunakan sepenuhnya potensi tanah wakaf, di samping mendatangkan hasil kepada pengusaha, MAIN dan masyarakat amnya," kata beliau.

Ujarnya, disebabkan beberapa faktor yang menjadi kekangan kepada pembangunan tanah wakaf, potensi tanah wakaf dapat digembleng terlebih dahulu melalui projek wakaf pertanian.

"Projek ini turut membuka peluang pekerjaan kepada rakyat, seterusnya membantu meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

"YWM juga telah mula mengorak langkah dengan projek wakaf pertanian melalui Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) di Putrajaya," jelas beliau.

FOTO: YAYASAN WAQAF MALAYSIA





Amirudin (enam dari kanan) bersama tetamu hadir pada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi PKPS dan Korban Perdana PKPS di SFV Bestari Jaya pada Selasa.

Selangor sasar bekalan makanan mencukupi

PKPS disaran cepatkan inisiatif bekalan makanan, beri tumpuan kepada kajian penemuan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kerajaan Selangor menyasarkan mempunyai jalinan bekalan makanan mencukupi di negeri ini pada masa depan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang menjalankan projek pertanian dan pemasaran perlu mempercepatkan beberapa inisiatif bekalan makanan yang dilancarkan pada tahun 2020.

"Kita yakin kalau ia dapat diberikan fokus dan tumpuan, Selangor bukan sahaja mempunyai aset pertanian dan perladangan baik, malah mempunyai jalinan bekalan makanan yang komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Korban Perdana PKPS di Selangor Fruit Valley (SFV) di Bestari Jaya di sini pada Selasa.

Amirudin berkata, buat masa ini, sektor bekalan makanan menjadi tumpuan utama kerajaan negeri.

"Fokus kita (bekalan makanan) adalah tumpukan kepada bekalan yang mencukupi untuk makanan," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri turut memberi tumpuan kepada kajian penemuan seperti jagung bijirin yang sesuai ditanam di negara ini.

"Sebab jagung bijirin ini bukan berasal dari Malaysia dan ia banyak ditanam di negara seperti Venezuela dan Amerika Syarikat

"Selain beri tumpuan kepada penanaman jagung manis, kita juga meneroka bidang kultur tisu, pembenihan dan kajian baharu," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau yang hadir mempengerusikan mesyuarat dengan pengurusan tertinggi PKPS berpuas hati dengan perkembangan semasa anak syarikat kerajaan negeri terbabit.

"Disebabkan harga sektor perladangan meningkat naik, PKPS telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang jauh lebih tinggi berbanding tahun lalu iaitu kira-kira 150 peratus lebih tinggi daripada yang kita bajetkan," katanya.